

07/11/1999

Kekalkan sikap toleransi: PM

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap rakyat akan berusaha mengekalkan sikap toleransi yang sekian lama dipupuk dan dipraktikkan kerana ia akan menjamin keharmonian antara kaum dan kesejahteraan negara.

Dalam perutusan sempena Hari Deepavali hari ini, Perdana Menteri mahu rakyat mengambil iktibar dan bersyukur atas nasib baik yang mereka peroleh sebagai rakyat negara ini.

Beliau berkata, sambutan Deepavali tahun ini lebih meriah berbanding dua tahun lalu kerana Malaysia sudah bebas daripada kegawatan ekonomi yang melanda rantau ini sejak 1997.

Rakyat harus berbangga kerana segala langkah yang diambil untuk mempertahankan ekonomi daripada dimanipulasi oleh pedagang mata wang dan spekulator saham adalah hasil daripada usaha dan cara Malaysia sendiri.

"Ramai yang meramal negara kita akan porak-peranda disebabkan langkah kawalan mata wang dan pasaran modal yang kita perkenalkan.

"Tetapi nyata dakwaan dan jangkaan mereka salah sama sekali dan langkah yang diambil kerajaan sebaliknya berjaya menangani kegawatan ekonomi sehingga mereka yang mengkritik kita terpaksa mengakui kejayaan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan sudah berjaya mempertahankan negara dan rakyat daripada kehancuran pada ketika sesetengah negara lain mengalami keadaan yang buruk disebabkan serangan ke atas ekonomi mereka.

"Rusuhan, ketegangan antara kaum, kekurangan makanan dan pekerjaan, semua ini berlaku dengan sekelip mata dan berleluasa," katanya mengenai kesan kegawatan ke atas beberapa negara lain.

Beliau berharap rakyat akan saling kunjung mengunjungi antara satu sama lain dan meraikan rakan yang menyambut perayaan itu serta menggunakan peluang untuk mengeratkan hubungan.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali juga mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali dengan harapan semoga perayaan cahaya yang menjadi simbol kemenangan pihak yang baik ke atas pihak lawan akan disambut dengan lebih meriah lagi.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dalam satu perutusan serupa berkata rakyat Malaysia adalah contoh yang unik kepada dunia dengan sikap toleran, persefahaman dan masyarakatnya yang berfikiran terbuka yang membolehkan negara menikmati keamanan, kemakmuran, kestabilan dan keharmonian.

"Rakyat Malaysia tidak patut lupa keunikan mereka sebagai warga Malaysia - hasil daripada pertemuan pelbagai pengalaman budaya yang berbeza di negara ini," katanya sambil menggesa rakyat supaya sentiasa memelihara diri daripada ancaman dalaman dan luar negara yang boleh menjejaskan keunikan mereka.

Katanya dengan sokongan dan kerjasama semua rakyat Malaysia dan kepimpinan yang berkebolehan, negara mampu untuk maju dengan pesat menjadi negara membangun dan dikenali antarabangsa kerana kejayaannya yang mengagumkan.

Bagaimanapun Gerakan menggesa semua rakyat Malaysia supaya tidak terus berpuas hati sebaliknya perlu berusaha ke arah menjadikan negara ini sebuah negara yang adil, saksama, progresif dan demokratik selaras dengan Wawasan 2020.

(END)